

05 MAR 2001

Mahathir-Kota Perdana

KOTA PERDANA CONTOH KERJASAMA JANGKAU SEMPADAN

BUKIT KAYU HITAM, 5 Mac (Bernama) -- Pembangunan Kota Perdana-Asean Industrial Metropolis di sini boleh dijadikan contoh kerjasama menjangkau sempadan di rantau ini, kata Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad.

Perdana Menteri berkata projek itu menunjukkan bahawa pendekatan yang diambil oleh Malaysia dan Thailand adalah ke arah kerjasama dan bukan bersengketa di sempadan.

Kedua-dua pihak boleh mendapat manfaat daripada kerjasama ini, kata beliau ketika melancarkan projek itu di sini hari ini.

"Saya yakin projek ini akan berjaya dan menjadi contoh untuk kerjasama menjangkau sempadan di rantau ini," katanya.

Dr Mahathir berharap dengan pembangunan projek itu, pekerja Thai dapat bekerja di Malaysia dan tinggal di negara mereka, seperti juga penduduk Johor yang bekerja di Singapura tetapi tinggal di Johor.

Projek berharga RM3 bilion itu meliputi kawasan seluas 3,515 ha dan dijangka siap pada in 2010 untuk menyediakan kemudahan bertaraf dunia untuk perkilangan dan perdagangan.

Ia diramal dapat menarik pelaburan RM20 bilion dan menyediakan pekerjaan kepada 20,000 orang.

Projek itu dimajukan oleh Northern Gateway Sdn Bhd milik kerajaan Kedah yang memegang 30 peratus daripada ekuitinya dan Benua Bayu Sdn Bhd yang menguasai selebihnya.

Sebanyak 1,200 ha akan dijadikan Zon Bebas Cukai bagi menggalakkan perdagangan antara negara-negara Asean selain meluaskan perdagangan Asean ke pasaran dunia.

Zon itu meliputi Zon Bebas Komersil dan Zon Bebas Perindustrian bagi menggalakkan kegiatan ekonomi dalam bidang komersil, media, teknologi maklumat, komunikasi, perindustrian dan kargo.

Sebagai pintu masuk kepada Asia di selatan, projek itu dapat meraih potensi daripada laluan Utara-Selatan dari Singapura ke China dan India.

Pembangunan itu dapat menyediakan peluang untuk menikmati pasaran China dan India serta permintaan yang semakin meningkat untuk barangan pengguna dan perkhidmatan di kedua-dua negara.

Ia juga bagi menyokong agenda Asean mengenai keserantauan dan perkongsian antara negara-negara Asean bagi mengukuhkan asas ekonomi dan infrastruktur rantau ini untuk memantapkan platform untuk pembangunan.

Ciri utama Kota Perdana ialah tulang belakang pengangkutanannya terdiri satu koridor sejauh tiga kilometer yang menggabungkan pengangkutan darat, rel dan pengangkutan penumpang.

Kota Perdana akan mempunyai 70,000 unit kediaman serta mempunyai sekolah, kemudahan awam dan kawasan riadah untuk penduduk sehingga 330,000 orang.

Sebuah bangunan baru untuk kastam dan imigresen akan dibina di situ.

Dalam perutusannya pada buku cendera hati sempena pelancaran itu, Dr Mahathir berkata projek itu akan meningkatkan daya saing Malaysia di pasaran dunia dan membolehkan syarikat-syarikat mengekal dan membesarkan operasi mereka di Malaysia khususnya di Kedah.

"Ia akan menjadi pusat bagi peluang pelaburan di sempadan Malaysia-Thailand," katanya.

Perdana Menteri menjemput pelabur dan usahawan serta industri kecil dan sederhana mengambil peluang untuk menjadi lebih kompetitif dalam K-ekonomi.

-- BERNAMA

JM MAI